



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

#### **SINAR BARU 'HIJRAH WARRIOR' DI ANJUNG KELANA**

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membangunkan ladang berkonsepkan *urban farming* (pertanian bandar) bagi meningkatkan taraf hidup gelandangan di bandar menerusi Program Bantu Gelandangan 2.0.

Usaha ini adalah inisiatif yang dilakukan KWP, sekali gus dapat memberi pekerjaan dan menjana pendapatan sendiri di samping penempatan selesa kepada golongan gelandangan. Berbanding tahun lalu, gelandangan ini disalurkan ke bidang pekerjaan di kilang-kilang, tetapi kali ini dengan konsep baharu, Kementerian menyediakan satu ladang menerusi projek kebun bandar 'Hijrah Warrior' di Pusat Transformasi Anjung Kelana, bersebelahan dengan penempatan mereka bagi mengusahakan tanaman untuk dijual.

Seramai 64 orang gelandangan yang ditempatkan secara sementara di Pusat Transformasi Gelandangan (Anjung Kelana) terlibat secara langsung dalam projek tersebut yang dijalankan di kebun yang berkeluasan 82,000 kaki persegi di bekas tapak Desa Water Park. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat saringan bagi menilai tahap keupayaan mental, fizikal dan produktiviti individu yang terlibat dalam projek ini.

Pada peringkat awal, antara tanaman kontan yang diusahakan adalah seperti kangkung dan keledak yang mudah ditanam dan tempoh tuaian yang singkat. Selain tanaman kontan sedia ada, tanaman yang dirancang adalah timun (fertigasi), sayur buah (bendi, kacang buncis), sayur daun, bayam, sawi (batas), buahan- tembikai (batas) yang dijangka boleh dituai dalam masa dua hingga tiga bulan. Pada masa ini, tanaman kangkung dijangka dapat dituai dalam tempoh dua minggu lagi. Manakala, sebanyak 500 polibeg timun yang ditanam boleh memberikan hasil kira-kira 4 hingga 6 kilogram bagi satu pokok.

Tanaman ini akan dijual di koperasi-koperasi terpilih di sekitar Kuala Lumpur dengan hasil pendapatannya akan diberikan kepada mereka yang mengusahakan termasuk Persatuan Kebajikan Golongan Asnaf dan Gelandangan Kuala Lumpur dan Selangor (KASGE) yang memberikan latihan dan bimbingan bagi tujuan ini. Selepas tiga bulan diberi pendedahan dan latihan, gelandangan yang menunjukkan minat akan dibawa untuk mengusahakan kebun, projek pertanian atau ladang yang lebih besar. Pihaknya juga bekerjasama dengan Jabatan Pertanian serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dalam menggalakkan hasil tanaman serta memberi latihan asas perniagaan. DBKL juga sedang

mewujudkan aktiviti jualan di Pusat Transformasi Anjung Kelana bagi memasarkan hasil tani gelandangan yang telah memanfaatkan tanah lapang di sekitar pusat transit tersebut dan kawasan sekitar bawah laluan tiang pencawang elektrik berdekatan.

Bersempena dengan bulan Ramadan ini, KWP melalui program Prihatin Ramadan Bersama Gelandangan beramah mesra dengan penghuni Anjung Kelana bagi memberikan peluang kepada mereka berkongsi pengalaman hidup dan bertukar fikiran. Adalah menjadi hasrat Kementerian agar menerusi program sebegini ia dapat memberikan nafas baharu kepada golongan gelandangan (hijrah warrior) untuk mentransformasikan golongan gelandangan ini keluar dari kepompong gelandangan dan menjadi usahawan tani yang berjaya. Kita mahu gelandangan yang selama ini dilihat hanya dibantu dengan pemberian makanan juga boleh menghasilkan makanan dan pendapatan sendiri.

**Tan Sri TPr. Annuar Hj Musa**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**19 April 2021**